

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 26 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN

DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID [KUALA KANGSAR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimanakah kerjasama Kementerian dengan Kementerian Pendidikan dapat membendung pelajar-pelajar sekolah daripada membeli rokok elektronik (vape) secara efektif memandangkan penjual-penjual vape terlalu ramai dan sebahagiannya mungkin tidak berdaftar sebagai penjual vape secara sah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Rokok elektronik atau Vape merupakan sejenis produk merokok yang baru di masa kini. Masalah penggunaan rokok elektronik atau Vape di Malaysia telah bermula seawal tahun 2013 dan telah memuncak penggunaannya di Malaysia pada tahun 2016. Masalah ini bukan sahaja berlaku di Malaysia malahan ia juga merupakan satu epidemik global yang mengundang kebimbangan pelbagai pihak.

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengadakan sesi perbincangan bersama pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi membincangkan strategi dan langkah-langkah untuk memastikan masalah penggunaan rokok elektronik atau vape di kalangan pelajar sekolah dapat dibendung.

SOALAN NO : 16

Untuk makluman juga, KKM sedang dalam proses menggubal Akta Baru untuk penggunaan semua jenis produk merokok seperti rokok konvensional dan rokok elektronik atau vape dan di bawah Akta ini, bagi mereka yang berumur di bawah 18 tahun adalah dilarang sama sekali. Menyedari terdapat kajian-kajian terkini yang telah menunjukkan kesan sampingan terhadap penggunaan rokok elektronik dan vape termasuk beberapa kematian yang telah dicatatkan di negara Amerika Syarikat, satu kajian terperinci perlu dibuat untuk mengkaji semula keperluan menguatkuasakan larangan penjualan rokok elektronik dan vape secara menyeluruh. Satu Jawatankuasa Kerja Pakar telah ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Kesihatan akan mengkaji semula bentuk kawalan yang akan diambil.

Di bawah peruntukan Akta Racun 1952 juga, Bahagian Penguatkuasaan Farmasi telah menjalankan tindakan penguatkuasaan di seluruh Malaysia pada 20 Ogos 2019. Penguatkuasaan ini adalah menumpukan kedai-kedai penjualan rokok elektronik atau vape berhampiran sekolah serta yang menjadi akses kepada pelajar seperti di kedai-kedai runcit, kedai gajet dan kedai peralatan rokok elektronik. Sebanyak 81 buah premis telah diserbu oleh pegawai penguatkuasa KKM dan 68,128 botol cecair yang mengandungi nikotin telah dirampas dengan jumlah rampasan adalah sebanyak RM1.45 juta. Penguatkuasaan terhadap orang bawah umur yang menggunakan rokok elektronik juga dijalankan serentak semasa operasi berkeenaan dan satu notis kesalahan di bawah Peraturan 13, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 telah dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.